

KUALA LANGAT / SEPANG



Noh merasmikan simbolik perasmian Hari Belia Negara di Kolej Matrikulasi Selangor, semalam.



Kumpulan Zumba turut menyertai sambutan yang diadakan.

20,000 belia berhimpun

Hari Belia Negara Selangor capai sasaran

JUGRA - Majlis Belia Selangor berjaya menyatupadukan lebih 20,000 belia sempena Hari Belia Negara peringkat Negeri Selangor di Kolej Matrikulasi Selangor, semalam.

Program yang dirasmikan Pengurus Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Selangor, Datuk Seri Noh Omar itu memupuk semangat perpaduan berbilang bangsa sekali gus mewujudkan gelombang anak muda di Selangor yang sentiasa aktif.

Hadir sama, Pengurus Majlis Belia Selangor; Datuk Irmohizam Ibrahim dan Timbalan Presiden MBS, Hafez Shuriddin.

Pada sambutan yang diadakan, Kelab Belia Era Baru (MAYC) Parit Bharu Pekan, Sabak Bernam, merangkul johan Anugerah Perdana Belia Negara kategori pertubuhan, manakala Kelab Belia Medan Batu Caves, Gombang, di tempat kedua.

Sementara itu, johan

Anugerah Perdana Belia Negara kategori lelaki disandang Mohammad Aizad Juraimi dari Kuala Selangor, manakala tempat kedua dan ketiga disandang Zairy Rosli dari Klang dan Idris Johan Mohd Zohdi dari Sabak Bernam.

Bagi Anugerah Perdana Belia Negara kategori wanita pula, johan disandang Wani Ishak @ Taib dari Hulu Selangor, tempat kedua dimenangi Nor Farhana Alham dari Sabak Bernam dan tempat ketiga milik Norzakiah Azmi dari Klang.

Manakala, lima penerima Pingat Bakti Belia 2016 iaitu, Hafez yang juga Pengurus Majlis Belia Daerah Kuala Langat; Mohd Sahrunnizam Sulaiman, Ismail Marjunit, S Balaganesh dan Shahru Nizam Shansuddin.

Pelbagai program dianjurkan termasuk sukan, carnival, pameran dan riadah untuk menarik kehadiran pengunjung.



Acara kereta mini jenama Tamia antara yang mendapat sambutan menggalakkan.



Hafez menerima Pingat Bakti Belia.



Maskot Upin dan Ipin menarik perhatian pengunjung.



Pengerusi Pembangunan Luar Bandar Parliment Kuala Langat, Datuk Sulaiman Mohd Karli (tengah) bersama sebahagian belia yang hadir.



Gerai jualan turut dibuka pada sambutan Hari Belia Negara peringkat Negeri Selangor.



Kira-kira 20,000 belia berhimpun sempena Hari Belia Negara, semalam.